

26/05/2003

Penduduk Bumiputera akui kehidupan mereka tidak berubah

Baharin Ramly

GEORGETOWN: Sebahagian besar penduduk Bumiputera di beberapa kampung di kawasan bandar mengakui kehidupan mereka masih kekal di tahap lama walaupun negeri ini mencapai pembangunan pesat dalam pelbagai bidang.

Penduduk berkenaan mengakui terpaksa tinggal di rumah yang diperbuat daripada kayu dan beratap zink kerana pendapatan yang tidak seberapa tidak

mengizinkan mereka tinggal di rumah mewah seperti yang mampu dilakukan kaum lain.

Tinjauan Berita Harian di Kampung Tanjung Tokong dan Kampung Bagan Jermal, dekat sini, semalam, mendapati rata-rata penduduk terharu dengan kenyataan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, kelmarin bahawa

kehidupan mereka masih ketinggalan.

Dr Mahathir ketika merasmikan projek tebus guna tanah Tanjung Pinang, di

Tanjung Tokong, kecewa kerana masih ada rakyat Pulau Pinang masih ketinggalan ketika negeri itu sudah mencapai pembangunan pesat dalam pelbagai bidang.

Seorang penduduk di Kampung Tanjung Tokong, Khamis Itam, 64, berkata daripada kira-kira 1,000 penduduk di situ, 30 peratus daripadanya adalah nelayan, peniaga kecil dan buruh kasar yang rata-rata berpendapatan kurang daripada RM500 sebulan.

Dengan pendapatan sebanyak itu adalah mustahil bagi penduduk terbabit membeli rumah yang lebih baik termasuk rumah kos rendah dan sederhana berharga di antara RM70,000 hingga RM100,000 seunit jika tidak mendapat bantuan subsidi mana-mana pihak, katanya.

"Saya berterima kasih kepada Dr Mahathir yang membangkitkan perkara ini

kerana ia kini membuka mata pihak yang selama ini kurang prihatin bagi membela nasib Bumiputera di negeri ini," katanya ketika ditemui di rumahnya, semalam.

Beliau yang juga bekas Ketua UMNO cawangan Tanjung Tokong berkata, jika

pembangunan di negeri ini dilaksanakan secara seimbang, masalah kemiskinan

yang berterusan sekarang mungkin sudah dapat diatasi sejak 10 tahun lalu apabila pembangunan pesat dilaksanakan.

Hanum Ibrahim, 56, yang menetap di Kampung Bagan Jermal pula berkata, kehidupannya masih belum berubah dan tinggal di rumah usang sejak berpuluh

tahun lalu disebabkan pendapatannya yang kecil.

Katanya, dengan pendapatan RM100 sebulan daripada kutipan sewa kedai milik arwah ayah di bandar ini, tidak mungkin baginya dan adik-beradik yang lain untuk hidup dan tinggal di rumah lebih selesa.

"Selain saya, dua kakak yang lain, Hanifah, 70 dan Khatijah, 60 tinggal

di rumah usang peninggalan arwah mak dan ayah di sini. Kehidupan kami

daripada dulu hingga sekarang tidak berubah kerana tiada sumber pendapatan lain," katanya.

Hanum berkata, masalah paling berat dihadapinya sekarang ialah apabila tanah dan rumah tempat tinggal mereka sekarang sudah diambil alih oleh sebuah syarikat pemaju.

"Kami akan diarahkan berpindah ke tempat yang belum diketahui pada bila-bila masa," katanya.